

13 NOV 1999

Zaleha-Wanita

WANITA PERLU LENGKAPI DIRI DENGAN KEMAHIRAN BARU

SEREMBAN, 13 Nov (Bernama)-- Wanita hendaklah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran baru dalam semua aspek bagi pembentukan keluarga bahagia, kata Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail.

Katanya dalam hubungan ini, sokongan dan kerjasama suami amat penting kerana keluarga yang bahagia akan lahir daripada perkongsian hidup bertunjangkan konsep lengkap melengkap, sayang menyayangi dan faham memahami di antara anggota keluarga.

Sifat-sifat ini yang mudah luntur dengan keadaan persekitaran dan cepat berubah, perlu ditanam dan dipupuk dalam hati sanubari setiap anggota keluarga, katanya pada jamuan malam sambutan Hari Wanita peringkat negeri yang dirasmikan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, di sini malam tadi.

Katanya, dalam usaha kerajaan meningkatkan kualiti kekeluargaan, pelbagai langkah telah dilaksanakan, antaranya pelbagai program dan kursus kekeluargaan bagi menyahut cabaran perubahan sosial dan ekonomi dengan peruntukan sejumlah RM20 juta.

Strategi-strategi yang digariskan dalam pelan tindakan pembangunan wanita juga akan terus dilaksanakan bagi memperkukuhkan lagi institusi keluarga, katanya.

Mengenai pilihan raya, beliau mahu wanita membantu jentera pilihan raya dan menyokong kerajaan yang sedia ada supaya beroleh kemenangan yang lebih cemerlang.

Mohamed Isa ketika berucap berkata, wanita seharusnya menghargai pengiktirafan dan kepercayaan yang diberi kepada mereka dan berusaha mempertingkatkan kualiti diri dan memanfaatkan sepenuhnya kebolehan dan potensi yang ada pada diri mereka.

Beliau menasihatkan wanita supaya tidak membuat silap dalam memilih kerajaan kerana jika tersilap akan mendatangkan masalah pada negara.

Kaum wanita perlu menyokong kerajaan mendapat kemenangan majoriti dua pertiga supaya kerajaan Barisan Nasional terus memerintah negara, katanya.

Malaysia merupakan sebuah negara yang stabil dan aman yang diakui oleh para pelabur luar yang datang melabur ke negara ini termasuk di Negeri Sembilan yang banyak menerima pelaburan luar seperti dari Amerika Syarikat, Jerman, Jepun dan Korea.

Beliau berkata kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membawa Malaysia lebih berjaya dan maju pada alaf baru.

-- BERNAMA

AS RHM